

Frequently Asked Question – Sahabat Agro Reward Campaign

Kempen Pakej Umrah/Pakej Percutian

No.	Soalan	Jawapan
1.	Sekiranya saya telah layak untuk menerima hadiah pakej umrah/pakej percutian pada bulan Januari 2017, adakah saya layak untuk menerimanya pada bulan berikutnya?	Tidak, pakej ini hanya diberikan sekali sahaja (one off) bagi setiap Ahli yang layak sepanjang tempoh kempen.
2.	“...telah mencapai ganjaran bulanan sebanyak RM 2,000 dan ke atas dalam tempoh kempen...”. Adakah pernyataan ini merujuk kepada jumlah Ganjaran Terkumpul sepanjang keahlian saya sepanjang kempen atau ianya merujuk kepada Ganjaran Bulanan saya perolehi setiap bulan?	Pernyataan tersebut merujuk kepada Ganjaran Bulanan yang diperolehi oleh Ahli setiap bulan.
3.	Saya adalah Ahli beragama Islam dan layak menerima pakej umrah yang ditawarkan oleh pihak Agrobank. Bolehkah saya menukar pakej umrah tersebut dengan pakej percutian ke luar Negara?	Bagi Ahli beragama Islam yang menerima pakej umrah tidak dibenarkan untuk menukar pakej tersebut kepada pakej percutian ke luar Negara. Ahli diberi pilihan untuk menukar pakej umrah tersebut kepada wang tunai dengan nilai maksimum RM 5,000.00.
4.	Bolehkah saya memberikan pakej umrah/ pakej percutian ke luar Negara kepada individu lain?	Tidak boleh. Pakej umrah/pakej percutian ke luar Negara yang dimenangi oleh Ahli tidak boleh dipindah milik kepada individu lain.
5.	Apakah kos perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak Bank dalam pakej umrah/ pakej percutian ke luar Negara yang ditawarkan?	Pakej ini merangkumi kemudahan penginapan, lawatan, makanan dan tambang penerbangan pergi balik sahaja. Kos-kos lain seperti penyediaan passport, visa, suntikan dan lain-lain kos yang terlibat adalah di bawah tanggungan Ahli.
6.	Adakah saya dibenarkan untuk menukar sebarang aturan yang telah dibuat bagi pakej umrah/pakej percutian ke luar Negara yang telah saya menangi seperti menukar destinasi pilihan saya?	Ahli tidak dibenarkan untuk menukar sebarang aturan yang telah ditetapkan di dalam pakej yang ditawarkan. Destinasi percutian adalah tertakluk kepada destinasi yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
7.	Sekiranya saya memenangi pakej umrah/percutian ke luar Negara ini, bilakah saya boleh menuntut hadiah ini daripada pihak Agrobank?	Ahli yang layak akan dihubungi oleh pihak Agrobank bagi tujuan penebusan hadiah.

8.	<p>Adakah pakej yang ditawarkan ini mempunyai tarikh yang ditetapkan bagi penebusan? Sekiranya tarikh yang ditawarkan oleh pakej tersebut tidak sesuai bagi saya, apakah pilihan yang ada bagi saya?</p>	<p>Ya, pakej yang ditawarkan mempunyai tempoh sah yang ditetapkan iaitu :</p> <p>Pakej percutian ke luar Negara : 6 bulan bermula dari tarikh pakej dikeluarkan.</p> <p>Pakej Umrah : mengikut tempoh musim umrah yang ditentukan oleh agensi pelancongan yang dilantik oleh pihak Bank.</p> <p>Ahli boleh memilih untuk menukar pakej umrah/pakej percutian ke luar Negara yang ditawarkan kepada wang tunai dengan nilai maksimum RM 5,000.00.</p>
----	---	---

Hadiah Cabutan Bertuah Bulanan

No.	Soalan	Jawapan
1.	<p>Siapakah yang layak untuk menyertai cabutan bertuah ini?</p>	<p>Cabutan bertuah ini terbuka kepada pelanggan (Individu dan Bukan Individu) yang baru mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dan membuka Akaun baru AgroPrimaS sepanjang kempen (Januari 2017 – Disember 2017) sahaja dengan jumlah deposit minima sebanyak RM 1,000.00 dan ke atas di dalam satu transaksi/sijil/akaun sahaja.</p>
2.	<p>Saya telah mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro pada bulan Ogos 2016 yang lalu dan pada bulan Januari 2017 saya membuka akaun AgroPrimaS dengan nilai RM 1,000.00. Adakah saya layak untuk cabutan bertuah ini?</p>	<p>Tidak layak.</p>
3.	<p>Pada 05/01/2017 saya telah mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dengan membuka Akaun AgroPrimaS berjumlah RM 500.00. Pada 20/01/2017 saya telah membuka satu lagi akaun AgroPrimaS dengan nilai RM 500.00. Adakah saya layak untuk cabutan bertuah ini?</p>	<p>Tidak layak. Hanya pembukaan AgroPrimaS dengan nilai RM 1,000.00 dan ke atas dalam satu transaksi/sijil/akaun yang layak untuk menyertai cabutan bertuah ini.</p>
4.	<p>Pada 05/01/2017 saya telah mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dengan membuka Akaun AgroPrimaS berjumlah RM 1,000.00 Pada 31/01/2017 saya telah mengeluarkan deposit saya sebanyak RM1,000.</p>	<p>Tidak layak. Ahli perlu memastikan jumlah baki dalam akaun AgroPrimaS adalah minima sebanyak RM 1,000.00 yang mana perlu dikekalkan sehingga hujung bulan untuk membolehkan Ahli layak untuk berada dalam senarai cabutan bertuah pada bulan tersebut.</p>

	Adakah saya layak untuk cabutan bertuah ini?	
5.	Sekiranya saya mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dan membuka akaun AgroPrimaS dengan nilai RM 1,000.00 pada 31/01/2017. Adakah saya layak untuk menyertai cabutan bertuah bulanan ini?.	Ahli layak untuk menyertai cabutan bertuah bagi bulan Januari 2017.
6.	Pada 05/01/2017 saya telah mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dengan membuka Akaun AgroPrimaS berjumlah RM 1,000.00. Pada 20/01/2017 saya telah membuka satu lagi akaun AgroPrimaS dengan nilai RM 1,000.00. Adakah saya mempunyai satu atau dua peluang untuk memenangi cabutan bertuah ini?	Satu peluang sahaja.
7.	Pada 05/01/2017 saya telah mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dengan membuka Akaun AgroPrimaS berjumlah RM 1,000.00 dan saya tidak memenangi cabutan bertuah bagi bulan Januari 2017. Adakah nama saya akan tersenarai di dalam senarai pelanggan yang layak untuk cabutan pada bulan berikutnya?	Tidak . Penyertaan hanya terhad kepada sekali sahaja bagi setiap Ahli yang layak dalam bulan tersebut sahaja sepanjang tempoh kempen ini diadakan.
8.	Pada 05/01/2017 saya telah mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro dengan membuka Akaun AgroPrimaS berjumlah RM 1,000.00 dan pada 12/02/2017 saya membuka satu lagi akaun AgroPrimaS. Adakah saya tersenarai dalam senarai pelanggan yang layak bagi cabutan pada bulan Februari 2017?	Tidak. Sekiranya Ahli yang sama membuka akaun AgroPrimaS baru (dengan jumlah minima deposit sebanyak RM 1,000.00 dan ke atas) pada bulan berikutnya, maka Ahli tidak lagi layak untuk disenaraikan dalam cabutan bertuah untuk bulan berikutnya.
9.	Sekiranya saya telah memenangi cabutan bertuah ini, bagaimanakah pihak Bank akan menghubungi saya dan apakah kaedah pemberian hadiah akan dilakukan nanti?	Pihak bank akan menghubungi Ahli yang memenangi cabutan bertuah ini melalui panggilan telefon dan surat rasmi. Hadiah yang dimenangi Ahli akan dikreditkan ke dalam akaun AgroPrimaS yang dibuka di atas nama Ahli.

Hadiah Perujuk Tertinggi

No.	Soalan	Jawapan
1.	Berapakah jumlah ahli yang perlu dirujuk untuk memenangi hadiah ini?	Minima 15 orang ahli dan ke atas yang diambilkira di peringkat 1 Ahli (Perujuk) sahaja.
2.	Jika saya berkongsi jumlah ahli yang dirujuk yang sama, bagaimanakah cara pemilihan pemenang dilakukan?	Sekiranya terdapat lebih dari seorang pemenang yang mempunyai ahli rujukan yang sama, pemilihan akan dibuat berdasarkan jumlah deposit terkumpul dalam rangkaian peringkat pertama.
3.	Jika perbandingan yang dilakukan di soalan 2 juga sama, bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?	Pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan pelanggan yang mendahului mencapai jumlah perujuk tertinggi mengikut tarikh dan masa ahli terakhir membuka akaun AgroPrimaS.
4.	Sekiranya saya telah memenangi hadiah ini pada bulan Januari 2017, adakah saya layak untuk memenangi hadiah ini pada bulan berikutnya?	Ya.
5.	Sekiranya saya telah memenangi hadiah ini, bagaimanakah pihak Bank akan menghubungi saya dan apakah kaedah pemberian hadiah akan dilakukan nanti?	Pihak bank akan menghubungi Ahli yang memenangi hadiah ini melalui panggilan telefon dan surat rasmi. Hadiah yang dimenangi pelanggan akan dikreditkan ke dalam akaun AgroPrimaS yang dibuka di atas nama Ahli.

Perlindungan Takaful Kemalangan Diri berkelompok

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah kelayakan yang diambil kira bagi membolehkan saya layak untuk menerima Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok yang ditawarkan?	Kelayakan yang diambil kira adalah pelanggan baru atau ahli sedia ada Sahabat Agro (individu) sahaja yang membuka Akaun AgroPrimaS dengan menandatangani jumlah deposit minima sebanyak RM 2,000 (lumpsum) dan ke atas dalam tempoh tempoh adalah layak untuk mendapat Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok secara percuma ini sekali sahaja sepanjang Tempoh Kemoen diadakan.
2.	Sekiranya saya telah membuka Akaun AgroPrimaS pada 05/01/2017 dengan nilai RM 1,000.00 dan pada 20/01/2017 saya membuka satu lagi	Tidak layak.

	Akaun AgroPrimaS dengan nilai RM 1,000.00, adakah saya layak untuk menerima Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok ini?															
3.	Berapakah tempoh bagi Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok yang ditawarkan?	Tempoh sah bagi Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok yang ditawarkan adalah satu (1) tahun bermula dari tarikh pembukaan Akaun AgroPrimaS.														
4.	Bagaimanakah pihak Bank memilih Ahli yang akan menerima Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Berkelompok ini?	Kriteria yang ditetapkan bagi pemilihan Ahli yang layak adalah berdasarkan pelanggan atau Ahli yang telah mendeposit sebanyak minima RM 2,000.00 ke atas dalam tempoh tempoh adalah dengan serta merta layak mendapat pelan perlindungan ini.														
5.	Apakah manfaat yang saya bakal perolehi daripada perlindungan takaful yang diberikan oleh pihak Bank?	Manfaat yang ditawarkan kepada pelanggan adalah seperti di bawah : <table border="1" data-bbox="858 904 1401 1267"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Perlindungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perlindungan</td> <td>Kemalangan Diri 24 Jam</td> </tr> <tr> <td>Kematian akibat kemalangan</td> <td>RM 30,000</td> </tr> <tr> <td>Keilangan akibat kemalangan</td> <td>RM 30,000</td> </tr> <tr> <td>Badal Haji</td> <td>RM 2,500</td> </tr> <tr> <td>Khairat Kematian</td> <td>RM 1,500</td> </tr> <tr> <td>Waqaf</td> <td>RM 500</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Perlindungan	Perlindungan	Kemalangan Diri 24 Jam	Kematian akibat kemalangan	RM 30,000	Keilangan akibat kemalangan	RM 30,000	Badal Haji	RM 2,500	Khairat Kematian	RM 1,500	Waqaf	RM 500
Perkara	Perlindungan															
Perlindungan	Kemalangan Diri 24 Jam															
Kematian akibat kemalangan	RM 30,000															
Keilangan akibat kemalangan	RM 30,000															
Badal Haji	RM 2,500															
Khairat Kematian	RM 1,500															
Waqaf	RM 500															
6.	Sekiranya berlaku kemalangan dan saya ingin membuat tuntutan, di manakah saya perlu mengemukakan tuntutan tersebut?	Ahli yang menerima Perlindungan Takaful boleh membuat tuntutan di cawangan di mana Akaun AgroPrimaS dibuka dengan mengisi borang-borang yang berkaitan seperti yang diperlukan oleh pihak Takaful Ikhlas Berhad.														
7.	Berapa lamakah tuntutan saya akan diproses oleh pihak Bank?	Tempoh pemprosesan dan kelulusan tuntutan oleh pihak Takaful Ikhlas Berhad adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Takaful Ikhlas Berhad.														